

Apakah itu Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Pejabat Pendaftaran Wasiat, yang dikendalikan oleh Pemegang Amanah Awam, merupakan pejabat pendaftaran sulit di mana pewasiat (orang yang membuat wasiat) atau peguamcara mereka boleh menandatangani maklumat tentang wasiat.

Apakah jenis maklumat yang disimpan oleh Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Kami menyimpan maklumat berikut di dalam Pejabat Pendaftaran Wasiat.

- Butir-butir orang yang membuat wasiat.
- Tarikh wasiat.
- Butir-butir orang yang melakarkan wasiat.
- Butir-butir di mana wasiat itu disimpan.

Anda tidak perlu menandatangani wasiat anda bersama kami kerana kami tidak menyimpan salinan wasiat yang sebenar.

Adakah wajib untuk menandatangani maklumat wasiat saya bersama Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Tidak diwajibkan bagi anda untuk menandatangani maklumat wasiat anda bersama kami.

Adakah Pejabat Pendaftaran Wasiat menyimpan wasiat tersebut?

Kami tidak menyimpan wasiat di pejabat pendaftaran kami. Anda atau wakil anda akan menyimpan wasiat anda. Kami juga tidak menerima atau menyimpan salinan.

Adakah Pejabat Pendaftaran Wasiat menyediakan bantuan untuk merangkakan wasiat?

Kami tidak memberikan nasihat guaman untuk merangkakan wasiat atau membantu untuk merangkakan wasiat. Anda boleh menghubungi seorang peguamcara untuk mendapatkan bantuan untuk merangkakan wasiat.

Adakah wasiat saya akan menjadi tidak sah jika saya tidak menandatangani maklumat wasiat bersama Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Tidak, kesahihan wasiat anda tidak bergantung kepada sama ada anda telah menandatangani maklumat wasiat anda bersama kami.



Bagaimana cara untuk saya menandatangani maklumat wasiat saya dengan Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Anda perlu mengakses borang deposit dalam talian kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

(Anda perlu bersedia dengan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.)

Bagaimana cara untuk saya menandatangani maklumat wasiat klien saya sebagai seorang peguam yang mewakili mereka?

Firma atau syarikat guaman anda boleh memohon untuk mendapatkan akaun organisasi bersama kami. Dengan akaun organisasi, firma atau syarikat guaman anda boleh memberikan kuasa kepada anda untuk mengakses borang deposit dalam talian. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Firma atau syarikat guaman anda tidak perlu memohon akaun organisasi yang baru jika ia sudah pun mempunyai akaun organisasi bersama kami.

Pejabat Pendaftaran Wasiat

(Lembaran Maklumat 4)
25 Jul 2017



Bagaimana cara untuk saya menggunakan sistem dalam talian?

Anda boleh merujuk kepada panduan langkah demi langkah kami yang terdapat di <http://www.mlaw.gov.sg/pto> tentang cara untuk menggunakan sistem dalam talian.

Siapakah yang akan memperolehi akses kepada maklumat wasiat?

Semua maklumat yang didepositkan kepada kami akan dirahsiakan. Hanya orang-orang yang berikut yang boleh membuat carian maklumat berkaitan wasiat.

- Orang yang membuat wasiat (jika mereka memberikan kami bukti identiti) atau peguamcara mereka.
- Peguamcara yang bertindak bagi harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia (jika mereka menunjukkan sijil kematian).
- Saudara terdekat seseorang yang telah meninggal dunia jika mereka menunjukkan sijil kematian dan dokumen yang menunjukkan hubungan mereka dengan orang yang telah meninggal dunia.
- Penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) atau timbalan yang dilantik atau yang akan dilantik oleh Mahkamah (jika mereka menunjukkan LPA atau Perintah/Permohonan Mahkamah)
- Seseorang yang dianggap Pemegang Amanah Awam sebagai mempunyai kepentingan yang sah terhadap wasiat atau harta pusaka pewasiat.

Berapa lamakah maklumat wasiat saya akan disimpan di Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Maklumat wasiat akan disimpan dalam sistem kami selama 120 tahun dari tarikh kelahiran orang yang membuat wasiat.



Bagaimana cara untuk saya lakukan carian maklumat wasiat dengan Pejabat Pendaftaran Wasiat?

Anda perlu mengakses borang carian dalam talian kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Kami akan memerlukan dokumen sokongan yang berikut.

Apabila membuat carian rekod wasiat anda sendiri:

- Kad Pengenalan anda

Untuk firma-firma guaman:

- Kad Pengenalan orang yang membuat wasiat, atau
- Sijil kematian orang yang membuat wasiat

Untuk saudara terdekat:

- Sijil kematian orang yang membuat wasiat
- Kad Pengenalan saudara terdekat
- Bukti hubungan dengan orang yang membuat wasiat (contohnya, sijil kelahiran atau
- sijil perkahwinan)

Anda perlu mengimbas dokumen-dokumen ini dan lampirkan bersama permohonan dalam talian anda.

Anda juga perlu bersedia dengan SingPass anda untuk mengakses borang permohonan dalam talian kami. Anda boleh memohon SingPass di <https://www.singpass.gov.sg> jika anda belum mempunyainya. Jika anda tidak layak untuk SingPass, anda boleh memohon ID log masuk dan kata laluan melalui laman web kami di <http://www.mlaw.gov.sg/pto>.

Apakah yuran yang dikenakan untuk mendeposit atau mencari maklumat wasiat?

Yuran kami (termasuk GST) adalah seperti berikut.

Perkara	Yuran
Mendepositkan maklumat	\$50.00
Kos bagi permohonan carian	\$10.00

Bayaran untuk mendepositkan atau mencari maklumat wasiat harus dibuat secara online melalui kad debit, kad kredit atau debit langsung.

Telefon:

Tel: 1800-2255-529
Faks: (65) 6224-2858

Alamat:

The URA Centre (East Wing)
45 Maxwell Road #07-11
Singapura 069118

Waktu Operasi E-helper:

Isnin - Jumaat: 8.30pg - 5.00ptg